SAMPEL PERCUMA

Skema Trial STPM Semester 1 Sejarah Perlis 2024

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Soalan 1: Huraikan faktor-faktor yang mendorong kemunculan Jepun sebagai sebuah kuasa maritim pada abad ke-15 dan 16 masihi.

Pendahuluan

- Kemunculan masyarakat maritim Jepun dapat dikesan sejak abad ke-3 masihi. Masyarakat ini terlibat dengan aktiviti seperti perdagangan, perikanan dan pengumpulan hasil laut.
- Pedagang-pedagang di Jepun telah menjalinkan hubungan perdagangan dengan China, Vietnam, Korea dan menjalankan kegiatan perdagangan dengan pelabuhan lain di Asia Tenggara.
- Menjelang abad ke-16, Jepun mengamalkan dasar buka pintu dengan menggalakkan kehadiran pedagang Barat ke negara tersebut.
- Kehadiran pedagang Barat menyebabkan Jepun bangkit sebagai sebuah kauasa maritim di Asia.
- Terdapat beberapa faktor yang mendorong munculnya Jepun sebagai sebuah kuasa maritim menjelang abad ke-15 dan 16 masihi.

Isi

1. Kedudukan geografi

- Kedudukan geografi negara Jepun terdiri daripada beberapa pulau yang dikelilingi laut telah menjadi faktor mendorong kemunculan Jepun sebagai kuasa maritim pada abad ke-16 dan 17 Masihi.
- Antara pulau yang menjadi tumpuan masyarakat maritim di Jepun ialah Kyushu, Shikoku, Hokkaido dan Honshu.
- Kawasan pesisir pantai ini dijadikan petempatan masyarakat Jepun.
- Lokasi petempatan yang berhampiran laut menjadi asas kemunculan masyarakat maritim di Jepun.
- Memandangkan bentuk muka bumi yang berpulau-pulau dan bergunung-ganang, maka banyak petempatan penduduk Jepun didirikan di kawasan pesisir pantai dan terdedah kepada kegiatan ekonomi yang berasaskan laut.
- Ini meletakkan asas bagi kemunculan masyarakat maritim di Jepun.
- Jepun juga terletak di sebelah Barat Lautan Pasifik dan di sebelah Timur pula ialah China, Korea dan Rusia yang menggalakkan aktiviti perdagangan.
- Tegasnya kedudukan geografi Jepun sedemikian meletakkan asas bagi kemunculan Jepun sebagai sebuah kuasa maritim.

2. Perdagangan

- Perkembangan aktiviti perdagangan turut menyumbang kepada kemunculan masyarakat maritim di Jepun.
- Perkembangan perdagangan telah bermula sejak zaman Ashikaga lagi yang mana perdagangan telah berkembang pesat di Jepun.
- Para pedagang Jepun menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara di rantau Asia Tenggara.

- Menjelang zaman pemerintahan Tokugawa pula, hubungan perdagangan terjalin dengan China, Korea dan Vietnam.
- Malahan, para pedagang asing seperti pedagang dari Portugal juga datang ke Jepun.
- Hubungan perdagangan ini terus berkembang pada zaman Nobunaga dan lebih ramai pedagang dari Portugal telah datang berdagang di Jepun.
- Pengasas Kesyogunan Tokugawa iaitu Ieyasu (1603-1616), telah menerima kedatangan para pedagang Portugis dan Belanda.
- Maka jelaslah bahwa aktiviti perdagangan Jepun dengan kedatangan pedagang asing, menyebabkan munculnya masyarakat maritim di Jepun.

3. **Kemajuan dalam teknologi pelayaran**

- Kemajuan pesat dalam teknologi pelayaran telah menyebabkan masyarakat maritim di Jepun mampu untuk belayar hingga ke Korea, China dan Asia Tenggara.
- Kemajuan yang dicapai dalam teknologi pelayaran dan pembinaan kapal juga menjadikan negara Jepun berjaya muncul sebagai masyarakat maritim.
- Jepun melahirkan ramai pelayar yang mempunyai kemahiran dalam ilmu pelayaran serta pengetahuan dalam ilmu nautika, kartografi dan perkapalan.
- Menjelang abad ke-16, muncul pusat pembinaan dan baik pulih kapal-kapal di Jepun.
- Masyarakatnya juga mempunyai kemahiran dalam pembinaan kapal-kapal besar yang sesuai untuk pelayaran jauh.
- Buktinya, kapal mohor merah Shuinsen merupakan kapal layar bersenjata yang digunakan pedagang Jepun untuk belayar ke Asia Tenggara, Korea dan China pada zaman Kesyogunan Tokugawa.
- Direkodkan, sebanyak 350 buah kapal Jepun melakukan pelayaran ke luar negara antara tahun 1600 dan 1635.
- Justeru, kemajuan teknologi pelayaran Jepun antara faktor penting kemunculan Jepun sebagai sebuah kuasa maritim.

4. Kemunculan pelabuhan

- Perkembangan pelabuhan di Jepun juga merangsang pertumbuhan masyarakat maritim.
- Hal ini seiring dengan perkembangan pesat perdagangan di Jepun dan kewujudan pelabuhan entrepot.
- Antara pelabuhan entrepot terpenting pada abad ke-16 ialah Kyushu, Nagasaki, Hokodate dan Shimoda yang juga menjadi tumpuan pedagang Jepun dan pedagang luar negara.
- Menjelang pertengahan abad ke-16, kapal pedagang Portugal berlabuh di pelabuhan Kyushu.
- Kehadiran mereka juga turut mendapat galakan daripada golongan bangsawan Jepun.
- Para pedagang Jepun apada abad ke-16 telah mengeskport perak, berlian, tembaga, pedang dan barang-barang lain.
- Jepun juga mengimport sutera China dan produk-poduk Asia Tenggara seperti gula dan kulit rusa.
- Aktiviti perdagangan yang bergiat rancak di pelabuhan-pelabuhan Jepun menggalakkan lagi aktiviti maritim dalam masyarakat Jepun.

5. Dasar kerajaan Jepun

2.Jelaskan peranan pembesar China dalam mengukuhkan sistem pentadbiran di China pada abad ke-16 hingga 20 Masihi.

Pengenalan

- Pada abad ke 16 hingga abad ke 20, negara-negara Asia termasuk China masih mengamalkan sistem feudal iaitu sistem pemerintahan di tangan maharaja dan dibantu oleh pembesar-pembesar.
- Dalam sistem pemerintahan monarki,maharaja sebagai ketua negara dibantu oleh golongan pembesar yang berperanan sebagai tulang belakang pentadbiran kepada maharaja
- Dalam masa yang sama pembesar mempunyai tanggungjawab terhadap pengikutnya dan ini penting bagi melaksanakan tugasnya terhadap raja.
- Di China, pembesarnya terdiri daripada pembesar peringkat pusat dan pembesar peringkat wilayah.
- Kebanyakan golongan pembesar ini merupakan mereka yang lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam dalam kurikulum Confucius yang merupakan falsafah moral bagi masyarakat China klasik.
- Raja juga mempunyai badan yang memantau tindakan pembesar bagi memastikan ketaatsetiaan pembesar.
- Peranan pembesar China dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti pentadbiran,perundangan,kehakiman,ketenteraan,ekonomi,agama dan pendidikan.

Isi-isi penting

1.Peranan dalam pentadbiran

- Peranan utama pembesar dalam sistem pemerintahan di China adalah dalam bidang pentadbiran
- Pembesar membantu maharaja dalam menjalankan pentadbiran di peringkat pusat dan wilayah
- Mereka juga membantu raja dalam perlantikan,pemecatan,kenaikan pangkat kakitangan kerajaan
- Di peringkat pusat maharaja memecahkan pentadbiran kepada beberapa unit atau institusi, iaitu Sekretariat Agung, Majlis Tertinggi (Enam Badan Menteri), dan Censorate (Lembaga Penapis).
- Tugas pembesar di peringkat Sekretariat ialah membantu raja menyelia dan menyelaras enam kementerian dalam pentadbiran pusat seperti Kementerian Personal,Kewangan,Adat,Perang,Keadilan dan Kerja Raya
- Majlis tertinggi menjadi penasihat penting kepada maharaja dan berfungsi menjalankan urusan pemerintahan dan pentadbiran China
- Lembaga Penapis menjadi mata dan telinga maharaja.Kuasa utama Censorate terletak pada 110 pegawai penyiasat yang ditugaskan untuk membendung amalan korupsi, penyalahgunaan kuasa, dan ketidakcekapan.
- Pada zaman Dinasti Ching, maharaja menempatkan 24 orang Censorate di Peking atau ibu kota dan lebih 56 orang Censorate di wilayah.
- Jabatan ini berhubung terus dengan maharaja sekiranya terdapat pembesar wilayah yang menderhaka terhadap maharaja.

- Pembesar juga menyediakan bantuan ketenteraan kepada raja
- Justeru pembesar mempunyai tanggungjawab mempertahankan negara dari ancaman dan serangan daripada musuh dari dalam dan luar negara dan menjadikan China kukuh dari segi keselamatan.

5. Ekonomi
- Dari segi ekonomi pembesar menguasai segala sumber ekonomi termasuk hasil bumi dan kegiatan perdagangan.
- Pembesar turut memberi nasihat kepada maharaja dalam aspek kewangan dan percukaian.
- Mereka berperanan mengutip cukai dari penduduk tempatan dan menguruskan pendaftaran tanah.
- Di peringkat pusat didirikan Kementerian Kewangan terdiri daripada 13 orang pegawai dan setiap orang dipertanggungjawabkan untuk mengawal salah satu daripada 13 provinsi dan mewakili 4 bahagian yang khusus, iaitu penduduk, akaun awam, akaun khusus, dan akaun pertanian atau tanaman.
- Kementerian ini menyimpan kewangan negara, memastikan kekayaan maharaja, serta menguruskan perbelanjaan negara dengan baik.
- Selain itu, mereka dilantik sebagai anggota lembaga hasil dalam negara.
- Jelas pembesar berperanan membantu melicinkan pengurusan ekonomi serta mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

6. Agama dan Adat
- Peranan pembesar seterusnya dalam bidang agama dan adat
- Kementerian Adat dibahagikan kepada 4 jabatan yang bertanggungjawab kepada adat istiadat, pengorbanan, penerimaan tetamu, dan barangan.
- Kementerian ini juga menguruskan hal ehwal agama Buddha dan Taoisme.
- Anggotanya terdiri daripada golongan cendekiawan.
- Mereka mengetuai upacara-upacara ritual dan kerohanian yang diadakan di peringkat pusat dan wilayah
- Pembesar pusat mengetuai Lembaga Upacara yang mengendalikan upacara diraja dan upacara korban
- Ini menunjukkan pembesar membantu maharaja mengukuhkan kedudukannya melalui upacara agama dan adat.

7. Pendidikan
- Pembesar-pembesar China turut memainkan peranan penting dalam bidang sosial dan pendidikan.
- Pembesar-pembesar China terdiri daripada golongan cerdik pandai yang membantu maharaja dalam melaksanakan dalam pendidikan dan pembelajaran serta membantu maharaja mengendalikan peperiksaan perkhidmatan awam.
- Pembesar-pembesar pusat diberi tanggungjawab untuk menguruskan Akademi Hanlin yang berperanan menyelenggara kitab-kitab serta ensiklopedia.
- Mereka juga turut mengumpul maklumat tentang pemerintah dan menerbit biografi pemerintah.

Kesimpulan

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar